

Edisi Kanak-kanak



HARAPAN Jubli

Menguduskan tahun ke-50
dan mengisyiharkan kebebasan di seluruh negeri
bagi segenap penduduknya. - Imamat 25:10

HARAPAN

Jubli



40-Hari Puasa & Doa 2012
(7 Ogos - 15 September)

Heloooo! Selamat datang kepada 40-hari Puasa & Doa 2012!

Pernahkah kamu mengikuti 40-hari Puasa & Doa? Jika ini kali yang PERTAMA untuk kamu, saya gembira mengetahuinya! Langkah ini penting untuk membuat IMAN kamu bertumbuh dalam Allah kita yang Maha Besar dan Maha Kuasa. Jika anda pernah menyertai kami dahulu, SELAMAT DATANG SEKALI LAGI! Puji Tuhan atas kesetiaan kamu!

Selama 40 hari, orang Kristian di SELURUH Malaysia akan berpuasa dan berdoa - inilah masa yang istimewa. Apabila kamu bergabung dengan orang lain pada masa ini untuk berpuasa dan berdoa serta memeriksa hati kamu, kamu mewakili Malaysia dan memohon kepada Allah untuk melakukan kehendak-Nya di dalam negara kita. Adakah kamu bersedia??

Tahun ini mempunyai tema yang sangat penting - HARAPAN JUBLI. Tema ini tidak mudah dimengerti jika kamu belum pernah mendengar tentang erti JUBLI.

Dalam Alkitab, Jubli adalah masa pembebasan, penyembuhan dan berkat. Jubli berlangsung selama satu tahun dan sangat istimewa kerana ia berlaku hanya satu kali pada setiap 50 tahun. Allah memerintahkan orang Israel untuk merayakan tahun jubli, dan kebanyakan orang hanya mengalami tahun jubli sekali dalam hidup mereka.

Terdapat banyak lagi yang perlu diketahui dan difahami tentang Jubli, dan kamu akan belajar lebih banyak tentangnya pada minggu pertama masa Puasa dan Doa. Pada saat ini, mungkin kamu

bertanya satu soalan "Jadi apa kena-mengena Jubli dengan kita di MALAYSIA?"

Jawapannya adalah 1963. Pada tahun ini, Malaysia Barat (bernama Malaya pada masa itu), Sabah, Sarawak dan Singapura bergabung untuk membentuk sebuah negara yang diberi nama Malaysia. Walaupun Singapura keluar dan menjadi negara tersendiri dua tahun kemudian, 1963 boleh dianggap sebagai hari jadi Malaysia yang sebenar.

Sekarang, jika kita menjawab matematik yang mudah:

$$2012 - 1963 = \underline{\hspace{2cm}}$$

Ya, 49 tahun! Di dalam Alkitab, tahun Jubli bermula pada tahun ke-49 dan berlangsung sehingga tahun ke-50. Jadi, tahun 2012 sebenarnya adalah **TAHUN JUBLI MALAYSIA**.

Bagi orang Israel, mereka mempunyai **HARAPAN BESAR** semasa Tahun Jubli kerana pembebasan dan berkat yang dicurahkan oleh Allah kepada mereka. Tahun 2012 ini, tahun Jubli Malaysia, kita akan berpuasa dan berdoa serta memohon kepada Allah untuk membawa **harapan Jubli yang ROHANI kepada negara kita**.

Semoga Allah memberikan penyembuhan dan pembebasan kepada orang sakit, lapar, sesat, tertindas dan diejek, orang miskin, hancur hati dan yang tiada harapan. Semoga Dia mencurahkan kuasa dan kasih-Nya, serta membawa pembebasan yang luar biasa kepada semua orang di Malaysia. Semoga ada CAHAYA YANG BESAR di negara kita, KASIH YANG BESAR, HARAPAN YANG BESAR, dan PEMBEBASAN YANG BESAR. Pada tahun ini, marilah berdoa untuk HARAPAN YANG BESAR sempena JUBLI untuk negara kita!

Komitmen Untuk Berpuasa & Berdoa

Pada tahun ini, saya sangat ingin mendorong kamu untuk melakukan **doa COMBO**. DOA COMBO bererti mempunyai kawan untuk berdoa dan berpuasa.

Mengapa dua dan bukan satu? Raja Salomo, orang yang paling bijaksana yang pernah hidup, berkata:

Berdua lebih baik daripada seorang diri, kerana bersama-sama mereka dapat bekerja dan hasilnya lebih baik. Jika seorang jatuh, yang seorang lagi dapat menolongnya. Tetapi jika orang itu sendirian, lalu jatuh, malanglah dia kerana tiada sesiapa yang menolongnya. Pengkhutbah 4:9-10

Apabila ada seorang lain yang berdoa dan berpuasa bersama-sama kamu, ini membuatnya lebih mudah bagi kamu untuk menyelesaikan 40 hari itu dengan baik!

Seorang kawan COMBO yang amat baik ialah seseorang yang kamu jumpa setiap hari. Pada tahun ini, saya ingin mendorong kamu untuk minta ibu bapa/penjaga kamu untuk berdoa dan berpuasa bersama-sama kamu. Kamu akan belajar banyak daripada ibu bapa/penjaga kamu tentang cara mereka berdoa, dan mereka juga akan belajar banyak daripada kamu tentang cara KAMU berdoa.

Sebaik saja kamu meminta ibu bapa/penjaga kamu untuk berdoa dan berpuasa bersama-sama kamu, mintalah mereka untuk membaca nota di bawah:

Kepada ibu bapa/penjaga,

Memang LUARBIASA untuk mengetahui bahawa kamu akan menjadi pasangan bagi anak lelaki/perempuan kamu selama 40 hari berpuasa dan berdoa! Perkara-perkara besar berlaku apabila anak-anak dibimbing untuk berdoa dan berpuasa untuk Allah.

Suatu suasana yang menarik di dalam Alkitab berlaku apabila para pengikut memarahi orang yang membawa anak-anak kepada Yesus. Di dalam Markus 10, dinyatakan bahawa Yesus murka (marah, naik darah, tersinggung, jengkel) dan berkata, “Biarlah kanak-kanak itu datang kepada-Ku! Jangan larang mereka, kerana orang seperti inilah yang menikmati Pemerintahan Allah”. Dia terus berkata, “Ingatlah! Orang yang tidak menyambut Pemerintahan Allah seperti seorang kanak-kanak, tidak dapat menikmati Pemerintahan Allah.”

Ada dua perkara yang jelas di sini: Yesus mahu anak-anak datang kepada-Nya, dan Dia sangat menghargai iman mereka yang sederhana. Dengan berdoa & berpuasa bersama dengan anak kamu selama 40 hari ini, sebenarnya kamu membawa dia kepada Allah, dan ini menyenangkan hati Allah! Kamu pun akan sangat didorong apabila anak mencabar kamu dengan iman mereka yang sungguh dan berkuasa.

Buku doa ini mengikut bahan doa utama yang terdapat di dalam buku doa dewasa, jadi kamu boleh memilih untuk menggunakan bersama dengan versi dewasa, atau hanya menggunakan buku doa kanak-kanak. Beberapa bahagian di dalam buku ini mengandungi aktiviti yang kamu boleh lakukan bersama dengan anak kamu. Bimbingan dan penyertaan kamu akan benar-benar membantu untuk menghidupkan bahan ini dan mendorong anak anda untuk mengikuti buku ini sehingga selesai.

Terima kasih dan marilah memulakan 40 hari berpuasa dan berdoa bersama-sama!

NOTA KEPADA ANAK-ANAK: Bagi kamu yang ibu bapa/penjaga tidak dapat berdoa bersama-sama kamu, sila minta abang/kakak/guru Sekolah Minggu/kawan baik untuk BERPASANGAN dengan kamu selama 40 hari.

SEBELUM kamu mengisi Perjanjian COMBO kamu, marilah melihat DUA perkara penting untuk diingat ketika berpuasa.

#1 Tentukan apa yang kamu ingin puasa

Cara yang paling biasa adalah puasa MAKANAN. Mungkin ia sesuatu yang kamu makan setiap hari seperti nasi atau roti, atau sesuatu yang kamu sangat suka, misalnya ayam atau mi. Mungkin juga makanan seperti sarapan atau makan tengah hari. Bagi orang yang ada masalah gastrik, haruslah lebih berhati-hati. Pastikan kamu minum minuman yang mengenyangkan seperti Milo untuk menyihatkan badan kamu.

Satu lagi cara berpuasa adalah memilih suatu perkara yang kamu sangat suka, dan tidak melakukannya. Mungkin perkara itu adalah menonton, bermain permainan komputer, melayari Facebook atau mendengar muzik. Jika perkara itu menjadi sesuatu yang sangat penting dalam hidup kamu, ambil keputusan untuk puasa daripadanya (tidak melakukannya).

#2 Memohon kepada Allah untuk menolong kamu hidup benar dengan mengasihi orang di sekeliling kamu

Penting sekali untuk ingat bahawa berpuasa bukan hanya mengingatkan tubuh jasmani kita untuk mengutamakan Allah. Ini juga bererti mengingatkan diri kita yang rohani untuk menghormati Allah dan perintah-Nya. Allah sangat menghendaki dua perkara daripada kita: Mengasihi Dia dengan segenap hati, jiwa, fikiran dan kekuatan kita, serta mengasihi orang lain seperti diri kita sendiri. Ini tidak bererti bahawa selepas 40-hari puasa dan doa, maka kita boleh berhenti mengasihi Dia dan orang lain. Tempoh 40 hari ini akan menjadi peringatan untuk kita supaya kita boleh terus INGAT tentang bagaimana menghormati Allah

dan mengutamakan Dia dalam hidup kita.

Cuba ambil masa dua minit sekarang dan fikirkan bagaimana kamu dapat mengasihi orang di sekeliling kamu. Mungkin kamu boleh membantu ibu kamu membasuh pinggan ketika dia sangat sibuk, atau bercakap dengan seorang kawan di sekolah yang tidak mempunyai ramai kawan. Mungkin juga kamu memberikan beberapa helai pakaian atau mainan kamu kepada orang yang memerlukan benda-benda itu tetapi tidak mempunyai wang yang cukup (kamu boleh bertanya kepada guru Sekolah Minggu jika gereja menyumbang pakaian atau mainan kepada orang yang memerlukannya).

SEKARANG, kamu sudah bersedia untuk membuat perjanjian kamu. Isikan tempat kosong di bawah:

Perjanjian Puasa & Doa COMBO

Kami _____ (nama kamu) & _____ (ibu bapa / penjaga / kawan / orang pilihan kamu) bersama-sama membuat komitmen untuk puasa _____ (contohnya sarapan, rehat, ayam, televisyen) selama 40 hari, dan untuk mengasihi orang lain dengan _____.

Kami berdua juga bersetuju untuk berdoa pada _____ (masa) setiap hari. Kami mohon saat ini agar Tuhan menolong kami, menyertai kami dan memimpin kami.



Minggu 1: Harapan Jubli

*Minggu ini, kita akan berdoa kepada Allah untuk memberikan **Harapan Jubli** kepada Malaysia. Walaupun mencabar untuk berdoa dan berpuasa untuk negara kita, marilah percaya kepada Allah untuk memberi kita jalan untuk melakukan pekerjaan-Nya. Marilah menjadi pekerja yang setia dan berdoa dengan tekun untuk Malaysia, sambil percaya kepada Allah untuk mengabulkan permohonan kita!*



Jubli!

Makanan rohani: Imamat 25:10

Allah memerintahkan Israel supaya pada setiap tahun ke-50, mereka mesti merayakan Jubli. Pada 16 September akan datang, Malaysia memulakan tahun Jublinya.

Walaupun kita tidak diperintahkan untuk mengadakan tahun jubli ini seperti orang Israel, perayaan ini menjadi gambaran bagi perkara yang dikehendaki oleh Allah untuk semua orang dan bangsa. Pada waktu Yesus mati dan dibangkitkan, Dia membuka jalan bagi semua orang untuk masuk ke dalam Jubli – suatu masa pembebasan dan rehat daripada dosa dan kematian.

Di Malaysia, ramai orang masih di bawah kuasa dosa. Bagaimanapun, berita baik adalah YESUS mempunyai kuasa untuk membebaskan mereka dan menyediakan keperluan mereka! Kita percaya bahawa inilah kehendak Allah untuk semua orang Malaysia, terutama dalam tahun ke-50.

Berdoa bagi seorang warga Malaysia:

- Fikirkan seseorang yang mempunyai masalah besar (contohnya, seorang yang merokok, menipu, berjudi, atau sakit tenat). Mahukah kamu mendoakan orang ini pada hari ini agar Allah akan membebaskan dia?



Berdoa untuk Malaysia:

- Bersyukur kepada Allah kerana setia kepada Malaysia selama 49 tahun yang lalu.
- Menyerahkan tahun ke-50 yang akan datang kepada Allah.
- Mohon kepada Allah untuk memberikan kebebasan kepada semua orang Malaysia.



Permulaan Baru

Makanan rohani: Imamat 25: 10-11

Allah memerintahkan tiga perkara yang luar biasa ini untuk orang Israel semasa tahun Jubli:

- 1 Sesiapa yang pernah memiliki tanah tetapi telah menjualnya - tanah itu akan dikembalikan kepada keluarganya.
- 2 Sesiapa yang menjadi hamba abdi kerana dia tidak mampu membayar hutangnya kepada orang lain - akan dibebaskan dan dibenarkan untuk kembali kepada keluarganya.
- 3 Semua orang diwajibkan berehat dan tidak bekerja.

Hal ini bererti bahawa **setiap orang di Israel akan mendapat PERMULAAN BARU**. Setiap orang akan mempunyai peluang yang sama dan boleh bermula lagi. Selepas membaca penerangan ini, Allah seperti apakah Dia menurut fikiran kamu?

Di Malaysia, inilah yang kita perlukan dan inginkan untuk berlaku.

Berdoa untuk seorang warga Malaysia:

- Adakah kamu mengenal seseorang yang sangat susah? Mungkin orang ini ada masalah dalam pelajaran, atau tidak mempunyai keluarga yang bahagia, atau keluarganya miskin. Berdoa agar Allah akan memberikan orang ini rehat dan permulaan yang baru.



Berdoa untuk Malaysia:

- Berdoa agar Allah memberikan Malaysia suatu permulaan baru.
- Berdoa agar segala sesuatu yang tidak betul di Malaysia akan diperbaiki.



Tanah Dikembalikan!

Makanan rohani: Imamat 25:13

Hari ini, kita akan melihat dengan lebih dekat tentang tanah yang dikembalikan kepada pemilik asal pada tahun Jubli. Tanah sangat penting kerana ia menjadi jaminan bahawa pemiliknya akan mempunyai tempat tinggal dan untuk membesarkan keluarganya, dan menanam tanaman untuk dimakan serta menternak lembu. Pada waktu itu, jika seseorang jatuh miskin dan tidak dapat mencari nafkahnya, maka dia akan menjual tanahnya. Pembeli tanahnya boleh memiliki tanah itu, tetapi hanya sehingga Tahun Jubli. Pada tahun tersebut, pembeli harus mengembalikan tanah itu kepada pemilik asal. Inilah cara Allah untuk memastikan agar setiap orang Israel dan anak-anak mereka dipelihara.



Di Malaysia, terdapat banyak perbuatan yang tidak adil berkaitan dengan pembelian dan penjualan tanah. Beberapa orang yang sepatutnya memiliki tanah, bukan lagi pemiliknya kerana tanah itu telah dirampas secara tidak adil oleh orang lain. Lagipun, beberapa undang-undang tanah tidak adil kerana pemilik hanya dibenarkan untuk menggunakan tanah itu untuk beberapa tahun sahaja.

Berdoa untuk Malaysia:

- Allah akan memberikan keadilan kepada pemilik tanah dalam tahun Jubli ini.
- Berdoa agar kekayaan orang yang diperlakukan dengan tidak adil akan dipulihkan supaya anak-anak mereka dipelihara.





Tiada Perhambaan lagi!

Makanan rohani: Imamat 25: 39-41

Siapakah hamba abdi? Adakah hamba abdi berbeza daripada pekerja?

[BERBINCANG DENGAN PASANGAN COMBO KAMU TENTANG HAL INI]

Seorang hamba abdi dippunyai oleh orang lain dan dipaksa untuk mentaatinya atau pemiliknya. Sebaliknya, seorang pekerja digaji untuk melakukan suruhan majikan atau bosnya.

Jika bos seorang pekerja memperlakukan dia dengan buruk, pekerja itu boleh berhenti bekerja untuk bos tersebut dan dia dibenarkan untuk mengemukakan sungutan. Bagaimanapun, JIKA seorang pemilik hamba abdi memperlakukan dia dengan buruk, dia TIDAK BOLEH berhenti bekerja untuk pemiliknya dan dia tidak dibenarkan untuk bersungut. Jadi kehidupan seorang hamba abdi adalah 100 kali lebih teruk daripada pekerja!

Daripada ayat-ayat ini, kamu melihat bahawa Allah sebenarnya tidak mahu umat-Nya diperhamba. Allah memerintahkan para pemilik hamba bangsa Israel untuk memperlakukan mereka dengan baik dan hanya menganggap hamba mereka itu sebagai pekerja. Mereka tidak boleh memperlakukan mereka dengan kasar seperti suku-suku lain yang tidak mengenal Allah.

Bukan itu sahaja, Allah hendak memastikan agar hamba-hamba Israel tidak menjadi hamba selama-lamanya. Oleh sebab itu, Allah memberikan perintah supaya pada Tahun Jubli, hamba-hamba bersama dengan anak-anak mereka mesti benar-benar dibebaskan dan dibenarkan balik kepada keluarga mereka sendiri. Betapa besarnya berkat untuk hamba-hamba di Israel!

Di Malaysia, walaupun tiada hamba 'rasmi', masih ada perhambaan. Ada sebilangan orang yang menjual orang yang lebih miskin untuk melakukan pekerjaan yang mereka sendiri tidak mahu lakukan walaupun hal itu tidak dibenarkan oleh pihak kerajaan. Ada beberapa orang yang hamba kepada masalah seperti kemiskinan dan dadah.

Sebagaimana yang kita lihat, Allah tidak suka orang menjadi hamba. Marilah berdoa memohon kemerdekaan daripada Allah untuk hamba-hamba ini.

Berdoa untuk Malaysia:

- Agar Allah membebaskan orang yang menjadi hamba kepada dosa.
- Agar Allah membebaskan orang yang dipaksa oleh orang lain untuk melakukan pekerjaan yang mereka tidak mahu lakukan.
- Agar Allah membebaskan orang yang sangat miskin dan menderita kerana perkara ini.





Rehat yang Tenteram

Makanan Rohani: Imamat 25: 11-12; 20-22

Dalam Tahun Jubli yang istimewa ini, Allah juga memberikan rehat yang sejahtera kepada umat-Nya. Dia berjanji untuk membekalkan makanan cukup daripada hasil tanah supaya umat Israel tidak perlu bekerja, dan mereka berehat.

Untuk mentaati perintah ini, orang Israel benar-benar perlu **MEMPERCAYAI** Allah kerana mereka tidak boleh bekerja untuk mendapatkan makanan - Allah berjanji untuk memberi mereka makanan dan rehat.

Di Malaysia, banyak perkara yang tidak tenteram telah berlaku. Beberapa orang pemimpin dan orang Malaysia yang tidak bertanggungjawab telah mengkritik kaum dan agama lain dengan tidak adil dan menyakitkan hati. Perkara ini telah menyebabkan orang membenci dan marah di negara ini.

Berdoa untuk Malaysia:

- Berharap kepada Allah untuk memberikan kedamaian dan ketenteraman kepada negara kita.
- Berharap kepada-Nya untuk memberikan perhubungan yang baik antara kaum dan agama.



12 OGOS, AHAD

HARI 6

Selama enam minggu akan datang, kita akan belajar tentang Nabi Elia yang agung, pada setiap hujung minggu. Ada banyak perkara yang kita boleh belajar daripada Elia yang boleh menolong kita berdoa untuk Malaysia pada Tahun Jubli kita.

Di dalam Yakobus 5: 16b-18 dinyatakan bahawa:

Doa orang yang melakukan kehendak Allah mempunyai kuasa yang besar. Elia pun orang biasa seperti kita. Dia berdoa dengan tekun supaya hujan tidak turun, dan hujan pun tidak turun selama tiga tahun setengah. Kemudian dia berdoa lagi, lalu langit mencurahkan hujan dan tanah mengeluarkan hasilnya.

Elia seorang yang benar dan doanya berkuasa serta berkesan. Marilah belajar daripada hamba Allah ini, dan kita didorong untuk berdoa seperti dia!

Setiap minggu, ada satu bahagian & beberapa aktiviti yang kamu boleh lakukan bersama dengan rakan Combo kamu. Semoga kamu bertumbuh semasa kamu belajar bersama-sama, mendorong satu sama lain, dan tentu sekali bergembira bersama!

Kamu memerlukan kira-kira 30 minit untuk membaca seluruh bahagian ini dan melakukan aktivitinya. Kamu boleh membacanya sendiri, atau ada orang lain yang membacanya dengan kuat.



Nabi Elia yang Agung - Manusia seperti kita?

Saya pasti kamu telah mendengar cerita-cerita tentang Nabi Elia yang Agung, yang telah melakukan perkara-perkara besar dan luar biasa untuk Allah. Dialah nabi yang membawa perubahan kepada negaranya, yang membawa bangsanya ingat akan Allah dan membawa mereka kembali kepada-Nya. Dia melakukan hal ini apabila hampir SETIAP orang tidak berjalan bersama dengan Allah, dan raja sama sekali tidak menghormati Allah kerana dia menyembah berhala.

Pernahkah kamu merasa bahawa nabi-nabi Allah yang hebat ini dapat melakukan hal-hal yang hebat kerana... mereka ialah nabi-nabi yang hebat! Mereka dipanggil oleh Allah dan mereka dapat mendengar Dia dengan JELAS. Mereka telah menerima KUASA daripada Allah... kuasa untuk membelah Laut Merah, kuasa untuk mengalahkan tentera yang sangat kuat, kuasa untuk menurunkan api dari syurga - dengan semua itu berlaku untuk mereka, maka melakukan hal-hal yang besar bagi Allah bukan suatu masalah!

“Tidak mudah menjadi diri saya”

Percaya atau tidak, Elia - Nabi Allah yang Agung - tidak mendapatkan semuanya mudah.

Elia mula-mula disebut di dalam Alkitab pada zaman Raja Ahab - raja Israel yang melakukan banyak kejahatan yang lebih buruk daripada perbuatan raja-raja sebelumnya. Antara banyak dosa yang dilakukannya adalah menyembah berhala. Perbuatan ini membuat Allah sangat marah. Sebagai tanda dan hukuman atas Ahab, Elia pergi berjumpa dengan Raja dan menyampaikan amaran daripada Allah: “.....”

**Setelah menyampaikan amaran ini,
kamu tahu tak hal yang berlaku?**

Yah! Tiada tanda air di Israel dan kelaparan yang teruk berlaku di negara itu. Setiap orang di Israel, manusia dan ternakan, menderit kerana tiada air untuk hidup... TERMASUK Elia.

Namun, Allah setia dan memberi dia kecukupan. Allah memimpin Elia ke suatu tempat, dan menyuruh burung gagak untuk membawa roti dan daging kepadanya pada waktu pagi dan petang. Bagi keperluan air, Elia dapat minum dari anak sungai yang disediakan oleh Allah.

Berhari-hari berlalu, dan masih tiada hujan, dan air di anak sungai untuk Elia minum semakin sedikit. Akhirnya, anak sungai itu kering dan Elia tidak mempunyai air lagi.

**Sekiranya kamu Elia,
bagaimana perasaan kamu?
Anak sungai yang Allah beri
kepada kamu untuk minum
telah.... Kering!**

***Berbincang dengan Rakan
COMBO kamu.***

- Berikan 2 perkataan untuk menerangkan perasaan kamu terhadap keadaan ini.
- Berikan 1 perkataan bagaimana anda menerangkan perasaan anda tentang Tuhan.



Mungkin Elia telah berfikir... Jika anak sungai di mana Allah sendiri telah membawa saya pergi, telah kering, apakah yang harus saya lakukan? Dari manakah saya boleh dapatkan air minum? Pasti tiada lagi air yang tinggal di seluruh negara!

Perkara ini memang menjadi masalah bagi Elia, dan dia tidak dapat melakukan apa-apa kecuali berharap kepada Allah untuk memimpin dia seterusnya. Mungkin pada saat ini dia berfikir, "Tidak mudah menjadi diri saya."

**Apabila kamu merasa "Tidak mudah menjadi diri saya",
apakah yang kamu buat? Adakah kamu terus saja berharap
kepada Allah? Adakah kamu terus saja melakukan pekerjaan
Tuhan? Adakah kamu setia?**

Seperti Elia, ada banyak orang Kristian yang merasa bahawa tidak mudah untuk melakukan pekerjaan Allah. Kesukaran terjadi di hadapan kita... mungkin kita perlu menggunakan masa berdoa bagi orang lain untuk menolong ibu kita menjaga adik lelaki kita sedangkan kita boleh saja melakukan hal yang lebih seronok seperti menonton televisyen atau bermain permainan komputer. Mungkin kawan-kawan kita menganggap kita pelik kerana kita telah mengambil keputusan untuk berkawan dengan 'orang pelik' di kelas.

Apa pun masalahnya, kadang-kadang kita merasa lemah semangat, bingung dan penat apabila yang kita hadapi itu sukar... SEMASA kita melakukan perkara yang benar untuk Allah. Tetapi seperti Elia, kita berharap kepada Allah untuk memberi kita jalan keluar. Kita juga harus terus melayani Dia dan melakukan kerja-Nya walaupun kita menghadapi kesukaran.

**Marilah ingat perkata ini - apabila berlaku kesukaran,
JANGAN BERHENTI PERCAYA KEPADA ALLAH kerana DIA
TIDAK BERPUTUS ASA DENGAN KAMU. Dia setia dan akan
memberi kita jalan untuk TETAP MAJU.**



Minggu 2: Doa & Harapan Jubli

Minggu ini, marilah berseru kepada Allah dalam doa agar gereja belajar bagaimana berdoa dengan berkuasa dan berwibawa.



Menanti akan Allah

Makanan Rohani: Lukas 24:49

Sebelum Yesus kembali ke syurga, Dia memberikan perintah ini kepada para pengikut-Nya: Tunggulah di kota (Yerusalem) sehingga kamu menerima kuasa daripada Allah. **Tunggu...sehingga.** Apabila kamu mencari Allah dalam doa, adakah kamu menunggu... sehingga? **Apa ertinya?** Pada waktu kamu datang kepada Allah dalam doa, adakah kamu berdoa dan mengharapkan jawapan Allah? Adakah kamu menunggu dan percaya bahawa Dia akan menjawab doa kamu pada masa-NYA dan dengan cara-NYA? **Sikap ini sangat penting dalam doa: Untuk menunggu... sehingga.** Ini tidak bererti bahawa kamu harus berdoa selama berjam-jam, walaupun ada beberapa orang yang dipimpin oleh Allah untuk berbuat begitu. Ertinya adalah mengikut masa Tuhan.

Kadang-kadang Dia mahu kita supaya terus berdoa - kita boleh merasakan Roh Kudus memberi kita lebih banyak perkara untuk didoakan. Kadang-kadang Dia mahu kita supaya tetap berdoa, walaupun kita tidak melihat hasil yang kita inginkan dan dalam masa secepat yang kita mahu. Berdoa bukan idea kita tentang bagaimana dan bila Allah seharusnya bekerja, melainkan, berdoa adalah memberikan atau menyerahkan apa yang kita doakan kepada Allah dan menunggu masa-Nya serta bekalan-Nya - **DIALAH** yang akan mengubah keadaan, dan untuk membungkus kita dengan kuasa dan kemampuan untuk mengubah perkara-perkara.

Marilah datang kepada Allah dengan hati yang bersandar kepada-Nya... dan belajar untuk menunggu... sehingga. Kemudian, Dia pasti memberi kita kuasa-Nya, dan pada masa itulah doa kita menjadi sangat berkesan!

Berdoa untuk orang Kristian di Malaysia (termasuk kamu):

- Adakah kamu tahu bagaimana menunggu...sehingga? Mohon kepada Tuhan untuk memberi kamu sikap seperti ini.
- Berdoa agar gereja belajar bagaimana menunggu...sehingga.
- Berdoa agar Allah mencerahkan Roh-Nya kepada gereja sementara mereka menunggu akan Dia.





Mempunyai Kuasa Rohani

Makanan Rohani: Lukas 10:19

Yesus bercakap tentang kuasa rohani di dalam ayat yang kamu baca hari ini. **Apakah erti kuasa yang sebenarnya?** Kuasa adalah wibawa - tetapi wibawa yang diberi.

Kerajaan mempunyai kuasa, polis mempunyai kuasa, pengetua dan guru-guru kamu diberikan kuasa oleh kerajaan dan pihak atasan mereka untuk menjalankan tanggungjawab mereka dalam pendidikan.

Kuasa rohani berasal daripada Allah sendiri. Tetapi ia tidak datang secara automatik. Apabila kita menunggu, berharap dan taat kepada Allah, Dia memberi kita kuasa rohani. Seperti Elia, kita perlu dilatih oleh Allah untuk berharap dan mentaati-Nya. Elia harus melalui banyak kesukaran agar ia dapat belajar untuk berharap dan mentaati Allah pada waktu seperti itu. Semasa dia berbuat demikian, imannya kepada Allah bertumbuh, dan dia mendapat kuasa rohani daripada Allah.

Jika kita ingin bergerak dalam kekuasaan rohani, kita mesti belajar untuk berharap dan taat kepada-Nya walaupun ada kesukaran, atau kita tidak faham. Adakah kita ingin terus taat walaupun kita tidak melihat jawapan doa yang kita mohon?

Berdoa untuk orang Kristian di Malaysia (termasuk kamu):

- Berdoa agar orang Kristian akan berjalan bersama-sama Allah serta berharap dan taat kepada-Nya.
- Berdoa agar orang Kristian menerima kuasa rohani daripada Allah.





Iman

Makanan Rohani: Matius 17:20

Iman... keyakinan atau kepercayaan bahawa Allah BOLEH... adalah berkuasa. Adakah kamu percaya bahawa Allah BOLEH? Jika ya, maka tiada apa pun yang tidak dapat dilakukan kerana Allah BOLEH melakukannya!

Allah suka apabila kita mempunyai iman bahawa Dia BOLEH, jadi jika kamu mempunyai iman kepada Allah, perkara-perkara besar boleh berlaku!

Adakah kamu mempunyai cerita untuk diceritakan apabila kamu berdoa dan Allah menjawab doa kamu?

Ambil masa untuk menceritakannya kepada Rakan COMBO kamu.

Berdoa untuk orang Kristian Malaysia:

- Berdoa agar Rakan COMBO kamu bertumbuh dalam iman.
- Berdoa agar orang Kristian akan bertumbuh dan mempunyai iman yang BESAR dalam Tuhan.





Berdoa untuk Keadilan

Makanan Rohani: Lukas 18:1-8

Keadilan berlaku apabila orang yang melakukan kejahanan dihukum. Kita mesti berdoa agar terdapat keadilan di Malaysia agar orang yang diperlakukan dengan salah tidak terus menderita.

Ramai orang di Malaysia, terutamanya orang miskin, diperlakukan dengan salah oleh orang lain. Misalnya, beberapa orang asing (orang dari negara lain) diberi gaji yang sangat sedikit bagi kerja yang mereka buat. Ada juga pembantu rumah yang dipukul oleh majikan, dan menderita dengan diam-diam. Ada banyak lagi cerita sedih yang berlaku di Malaysia.

Kita mesti peduli dengan apa yang berlaku kepada orang seperti ini dan terus berdoa dengan sepenuh hati bagi mereka. Allah akan memberi orang Kristian kuasa untuk bersuara menentang kekejaman dan ketidakadilan apabila kita berdoa seperti ini.

Berdoa untuk orang Kristian di Malaysia (termasuk kamu):

- Berdoa agar orang Kristian akan mempedulikan orang yang menderita kerana ketidakadilan.
- Berdoa agar orang Kristian terus berseru kepada Allah untuk menegakkan keadilan di Malaysia.





Melakukan Kehendak Allah

Makanan Rohani: Yesaya 42:6-7

Tahun ini ialah tahun Jubli untuk Malaysia. Apakah urapan khas Allah kepada orang Kristian pada waktu yang istimewa ini?

Allah telah mengurapi kita untuk membawa berita baik kepada orang miskin, membawa keadilan kepada negara, untuk menjadi terang kepada orang yang tidak mengenal Dia, untuk membuka mata orang buta, dan untuk membebaskan orang yang berada dalam kegelapan.

Mempunyai urapan Allah bererti kita diberikan kuasa Allah untuk melakukan semua perkara ini.

Berdoa untuk kamu sendiri:

- Berdoa dan minta Allah untuk menolong kamu membawa harapan kepada orang yang memerlukannya, seperti mana Dia telah mengurapi kamu untuk berbuat demikian.



Berdoa untuk orang Kristian di Malaysia:

- Berdoa agar orang Kristian bergantung pada urapan Allah untuk membawa harapan dan tidak bergantung pada kekuatan mereka sendiri.
- Berdoa agar orang Kristian akan melakukan apa yang sesuai dengan urapan Allah kepada mereka.



Hari Raya Puasa

Makanan rohani: Markus 12: 28-34

Sudahkah kamu melawat kawan-kawan Muslim pada masa istimewa ini, atau sekurang-kurangnya mengucapkan 'Selamat Hari Raya Puasa'?

Orang Muslim merayakan Hari Raya Puasa selepas mereka berpuasa selama satu bulan. Di Malaysia, orang Muslim memulakan hari perayaan dengan memakai baju baru dan pergi ke masjid untuk berdoa pada awal pagi, kemudian pergi menziarahi kubur orang yang sudah meninggal.

Orang muda akan memohon ampun daripada orang tua-tua mereka dan mengadakan 'rumah terbuka' bagi sanak saudara dan kawan-kawan yang datang berkunjung. Terdapat banyak hidangan makanan yang sedap, dan mereka juga memberikan duit raya kepada anak-anak. Secara amnya, masa itu gembira dan penuh keriangan bagi orang Muslim.



Berdoa untuk orang Muslim di Malaysia:

- Berdoa kepada Allah untuk memberkati kawan-kawan Muslim kita.
- Berdoa agar mereka juga mengalami janji Jubli.



19 OGOS, AHAD

HARI 13

Seorang balu yang tiada makanan

Marilah kembali kepada Elia dan anak sungai itu. Selepas anak sungai itu kering, **apa yang berlaku sekarang?**



Di dalam Alkitab, ditunjukkan bahawa Allah setia dan memberi Elia jalan keluar. Allah memberitahu dia: "Pergilah ke kota Sarfat dekat Sidon, dan tinggallah di sana. Aku sudah memerintah seorang balu yang tinggal di sana untuk memberikan makanan kepadamu."

Elia melakukan tepat seperti perintah Allah kepadanya: dia pergi ke Zarfat...dan bertemu dengan seorang balu di sana. Apabila dia melihat balu itu, dia memanggilnya dan berkata, "Tolong beri saya air minum."

Sementara balu itu pergi mendapatkannya, Elia memanggil lagi, "Dan tolonglah beri saya roti juga."



Apabila Elia meminta roti, balu itu menjawab, "Saya tidak mempunyai roti. Saya hanya mempunyai segenggam tepung gandum di dalam mangkuk dan sedikit minyak zaitun di dalam botol. Saya sedang mengumpulkan sedikit kayu api untuk dibawa pulang supaya saya dapat memasak bahan yang tinggal itu untuk saya dan anak saya. Itulah makanan kami yang terakhir; setelah itu kami akan menunggu maut sahaja."

Keadaan ini kedengarannya tiada harapan - balu yang Allah suruh Elia

temui hampir tidak mempunyai makanan dan air yang tinggal... dan lebih teruk lagi, balu itu akan menyediakan makanannya yang TERAKHIR kemudian bersedia untuk mati saja!

Namun, Elia tidak membiarkan perkara ini melemahkan semangatnya - dia menunjukkan iman yang besar dengan memberitahu balu itu, "Jangan khuatir. Pergilah sediakan makananmu. Tetapi sebelum itu, mula-mula buatlah roti daripada tepung dan minyak itu dan hantarlah kepada saya. Kemudian buatlah roti untukmu dan anakmu, 14 kerana demikianlah Firman TUHAN, Allah Israel, 'Tepung di dalam mangkuk itu tidak akan habis dan minyak di dalam botol itu tidak akan berkurang sehingga tiba saatnya Aku, TUHAN, menurunkan hujan.' "

Balu itu mengikut suruhannya, dan sungguh benar, Allah melakukan sesuai dengan firman-Nya dan menyediakan makanan untuk ketiga-tiga mereka!

"Tidak mudah menjadi diri saya"

Sekarang Elia sudah mempunyai makanan dan air, dan pasti semuanya baik baginya, bukan?

Sebenarnya, tidak. Elia menghadapi satu LAGI cabaran semasa dia tinggal di sana. Sesuatu yang sangat menyedihkan berlaku; anak lelaki balu itu menjadi sangat sakit tenat sekali sehingga dia berhenti bernafas dan meninggal.

Perkara ini bukan sesuatu yang baik untuk berlaku - selepas semua yang dilakukan oleh balu itu untuk Elia, membenarkan dia tinggal di rumah dan memberi dia makanan, lalu anak lelakinya pula meninggal!

Dalam kesedihannya, balu itu berkata kepada Elia, "Hai hamba Allah, mengapakah tuan melakukan hal ini kepada saya? Adakah tuan datang untuk mengingatkan Allah akan dosa saya, lalu menyebabkan kematian anak saya?"

Pada masa itu, mungkin keadaan tersebut membuat Elia bingung. Allah telah menyediakan makanan dan air untuknya melalui seorang balu miskin dan anak lelakinya, dan telah menyelamatkan mereka bertiga daripada

kematian. SEKARANG, tanpa alasan yang munasabah, anak lelaki balu itu telah meninggal! Dan lebih teruk lagi, balu itu sangat sedih dan mempersalahkan Elia atas kematian anak lelakinya!

Bayangkan kamu Elia.

- Apakah yang kamu katakan kepada balu itu?
- Apakah yang kamu katakan kepada Allah?

Bincangkan perkara ini dengan rakan COMBO kamu.

Perkara ini benar-benar suatu cabaran bagi Elia, dan mungkin dia merasa lagi bahawa, "Tidak mudah menjadi diri saya."

Apakah yang dilakukan oleh Elia?

Dia membawa anak lelaki balu itu ke dalam sebuah bilik dan mula berseru kepada Allah. Katanya, "Ya TUHAN, Allahku, mengapakah Engkau melakukan perkara yang sedahsyat ini kepada balu itu? Dia sudah memberikan tumpangan kepadaku, tetapi Engkau telah membunuh anaknya!"

Dalam doa itu, ditunjukkan bahawa Elia sedang melalui kesukaran yang banyak. Mungkin dia dapat merasakan betapa menderitanya Israel kerana kelaparan yang berlaku, dan merasa tekanan jiwa kerana anak lelaki balu yang telah diberikan makanan oleh Allah pun meninggal.

Di sini lagi, kita dapat melihat bahawa memang sangat mengecewakan serta sukar walaupun kita tahu bahawa Allah ada bersama dengan kita. Bahkan Elia, nabi Allah yang agung itu, merasa seperti itu. Dengan cemas, Elia meniarapkan diri di atas budak lelaki itu sampai tiga kali, dan berseru kepada Allah: "Ya TUHAN, Allahku, hidupkanlah semula anak ini!" Di dalam Alkitab dikatakan bahawa Tuhan mendengar seruan Elia, dan nyawa budak lelaki itu kembali, lalu dia hidup semula. Elia mengangkat anak itu dan menyerahkannya kepada ibu anak tersebut, sambil berkata, "Lihatlah, anakmu hidup semula!"

Daripada cerita Elia dan anak lelaki balu itu, kita dapat belajar sesuatu yang sangat berharga: Apabila ada kesukaran dan kekecewaan semasa kita melayani Allah, kita mesti belajar untuk BERSERU kepada-Nya. Allah mendengar seruan kita, dan Dia akan menyediakan jalan keluar bagi kita.



Minggu 3: Harapan Jubli Untuk Sabah

Pada minggu ini, kita akan berdoa agar **Harapan Jubli datang ke Sabah**. Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh Sabah, dan apabila masalah sangat banyak, kita mudah merasa bahawa keadaannya tidak akan bertambah baik. **Bagaimanapun, marilah berdoa dengan iman dan keberanian.** Sebagaimana Elia bermula dengan sedikit, marilah kita juga berusaha maju untuk bertumbuh dalam iman dan keberanian dalam Tuhan.

Marilah juga berdoa agar **Orang Kristian mempunyai iman yang besar dan keberanian dengan mendoakan Sabah.** Mungkin mereka dilanda oleh masalah, tetapi hanya seorang wakil Allah yang Hidup diperlukan untuk membawa perubahan besar ke Sabah!



Pendatang tanpa izin

Makanan rohani: Mazmur 106:3

Sabah ada masalah besar dengan pendatang tanpa izin yang tinggal di negeri itu. Pendatang tanpa izin ialah orang asing yang masuk ke dalam negara dengan tidak mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa. Di Sabah, kira-kira dua daripada 10 orang ialah pendatang tanpa izin. Pada masa ini, terdapat kira-kira 52,000 orang anak yang tidak menjadi penduduk sah di mana-mana negara, dan bilangan mereka semakin meningkat. Kebanyakan anak-anak ini tidak dibenarkan belajar di sekolah-sekolah kerajaan dan sering didapati bekerja di pasar-pasar ikan atau sebagai penggilap kasut di jalan-jalan raya.

Penyebab utama masalah ini adalah kerajaan tidak mengambil serius masalah ini dan tidak berusaha dengan sedaya upaya untuk menghentikannya daripada berlaku. Bagaimanapun, orang Sabah sekarang memohon satu pertubuhan rasmi - Suruhanjaya Penyiasatan Diraja - untuk mula melakukan sesuatu terhadap masalah itu.

Berdoa untuk Sabah:

- Berdoa agar Suruhanjaya Penyiasatan Diraja dapat ditubuhkan dengan segera.
- Berdoa agar kerajaan lebih tegas lagi untuk menghentikan pendatang tanpa izin daripada masuk ke Sabah.
- Berdoa agar masalah ini diselesaikan dengan cara yang adil kepada orang Sabah dan pendatang tanpa izin.





Isu Tanah

Makanan rohani: Mazmur140:12

Tanah Adat Sabah (tanah yang dimiliki oleh penduduk asal Sabah) tidak dilindungi dengan baik oleh kerajaan. Terdapat dua masalah besar yang berlaku:

- 1** Biasanya, selepas tanah dibuka menjadi ladang, tanah itu seharusnya dibiarkan rehat selama lima hingga tujuh tahun supaya ia boleh menjadi subur lagi. Bagaimanapun, keperluan ini jarang diakui dan kerajaan membenarkan syarikat-syarikat besar untuk memajukan tanah itu. Beberapa buah kawasan tanah itu adalah tanah adat, dan ini tidak adil bagi penduduk asal Sabah.
- 2** Selain itu, undang-undang menyatakan bahawa apabila ada rancangan untuk memajukan sebuah kawasan tanah, notis seharusnya diberi kepada masyarakat yang berdekatan untuk mengemukakan bantahan sekiranya tanah itu tanah adat. Proses ini sering kali tidak dilakukan dan penduduk asal Sabah hanya tahu tentang pembangunan yang hendak dibuat apabila jentolak sampai.

Berdoa untuk Penduduk Asal Sabah:

- Berdoa agar ada keadilan dalam isu tanah ini.
- Berdoa agar ada penyelesaian adil yang dilakukan.
- Berdoa agar orang yang berjuang bagi hak tanah adat akan mempunyai kebijaksanaan, keberanian dan perkenan/berkat daripada Allah.





Kurang pembangunan

Makanan rohani: Yesaya10: 1-2

Adakah kamu tahu bahawa ketika Malaysia dibentuk pada 1963, Sabah dilihat sebagai rakan kongsi yang paling kaya dalam hal sumber alam antara keempat-empat rakan kongsi Malaysia (Sarawak, Semenanjung Malaysia, Singapura). Pada hari ini, Sabah dalam kedudukan negeri yang paling miskin dalam Malaysia.

- **Keluarga miskin:** Terdapat 16,753 keluarga miskin dan sejumlah 15,293 keluarga yang sangat miskin di Sabah.
- **Kurang air paip:** Kira-kira 40% kawasan di Sabah masih tiada air paip berbanding 10% di Semenanjung Malaysia.
- **Kurang tenaga elektrik:** Kira-kira 20% kawasan di Sabah tiada tenaga elektrik berbanding 0.3% di Semenanjung Malaysia.

Walaupun mempunyai masalah-masalah tersebut, Sabah hanya diberikan **wang yang sangat sedikit** untuk pembangunan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia

Berdoa untuk Sabah:

- Berdoa agar pihak penguasa di Sabah tidak menerima rasuah.
- Berdoa untuk para pemimpin Kristian dalam kerajaan supaya membela dan menjaga kepentingan orang miskin.
- Berdoa agar orang Sabah bangkit dan bersuara menentang masalah-masalah ini.



Masalah Sosial

Makanan rohani: Yesaya 51: 4-5

Masalah sosial adalah isu juga di Sabah. Antara masalahnya adalah pelacuran, perjudian dan kehancuran keluarga.

- Sabah ialah salah satu pintu pertemuan di Malaysia di mana perempuan-perempuan dibawa ke dalam negara sebagai pelacur.
- Banyak orang Sabah meminjam wang untuk berjudi daripada along, dan ini menyebabkan banyak masalah dalam keluarga mereka sendiri.
- Sabah mempunyai bilangan ibu tunggal yang paling tinggi di negara ini.

Berdoa untuk Sabah:

- Berdoa agar kerajaan mula membuat perubahan yang sungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah sosial ini.
- Berdoa agar gereja-gereja bangkit untuk membantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah sosial ini.





Pendidikan

Makanan rohani: Filipi 4:19

Hari ini, kita berdoa untuk pendidikan yang baik di Sabah.

Terdapat beberapa perkara yang mempengaruhi pendidikan anak-anak di Sabah:

- Guru-guru bahasa Inggeris tidak mencukupi.
- Kadang-kadang, terdapat guru-guru yang tidak bersungguh-sungguh dalam pekerjaan mereka dan kadang-kadang ponteng sekolah!
- Kira-kira 100 buah sekolah di pedalaman Sabah yang dibanjiri bila saja hujan lebat turun dengan berterusan. Hal ini melibatkan 9,000 orang pelajar sekolah.

Berdoa untuk Sabah:

- Berdoa agar lebih banyak guru bahasa Inggeris di Sabah.
- Berdoa agar guru-guru di Sabah mempunyai nilai-nilai mulia dan menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh.
- Berdoa untuk lebih banyak guru Kristian yang ingin membuat perubahan dalam pendidikan.
- Berdoa agar ada penyelesaian yang baik bagi sekolah-sekolah yang dilanda banjir.





Kebebasan beragama

Makanan rohani: Mazmur 46:1-3, 10-11

Pada waktu Malaysia dibentuk, satu perjanjian telah dibuat dengan Sabah supaya ada kebebasan beragama di negeri ini. Dalam perjanjian ini, dinyatakan bahawa walaupun Islam ialah agama kebangsaan Malaysia, ia bukan agama rasmi negeri Sabah. Oleh itu, setiap orang di Sabah mempunyai hak untuk memilih agamanya..

Berdoa untuk Sabah:

- Pada masa ini, kebebasan beragama untuk semua suku bangsa tidak diamalkan di Sabah. Berdoa agar undang-undang ini dihormati di Sabah.
- Berdoa untuk perlindungan bagi orang yang telah menjadi Kristian di Sabah.





Ujian Terakhir yang Hebat!



Mari membuat lakonan minggu ini! Kamu dengan Kawan Combo boleh mengambil peranan dua watak.

PENCERITA
ELIA

NABI-NABI BAAL
ORANG ISRAEL

1. Bagi setiap watak, pilih SATU BENDA yang sesuai untuk kamu. Misalnya, Elia - letak selimut di bahu kamu sebagai mantel nabi; Nabi-nabi Baal - pegang penyapu sebagai lembing; Orang Israel - pegang cawan untuk menunjukkan betapa dahaganya kamu; Pencerita - pegang botol air sebagai mikrofon kamu.
2. BACA ayat kamu apabila sampai giliran kamu. (Pastikan kamu berdiri. Kamu boleh tambahkan gerakan-gerakan lain untuk membuat peranan kamu lebih baik.)

Pencerita : Selepas tiga tahun, Allah menyuruh Elia untuk menghadap Raja Ahab, dan selepas itu Allah akan menurunkan hujan di negara itu. Elia mentaati Allah dan pergi menghadap Raja Ahab. Apabila Raja Ahab bertemu dengan Elia, Raja Ahab menyebut dia seorang pengacau, tetapi Elia berkata...

Elia : Saya tidak mendatangkan kesusahan kepada Israel, melainkan kamu dan keluarga bapa kamu. Kamu telah meninggalkan perintah Tuhan dan mengikut dewa-dewa Baal!

Pencerita : Elia sangat berani memberitahu Raja dosanya dan mengatakan bahawa Raja itulah yang bertanggungjawab atas semua penderitaan Israel. Elia terus berkata...

- Elia : Sekarang panggillah orang dari seluruh Israel untuk bertemu dengan saya di Gunung Karmel. Dan bawalah 450 orang nabi Baal serta 400 orang nabi Asyera, yang makan di meja Izebel!
- Pencerita : Oleh itu, Ahad mengirimkan pesan ke seluruh Israel dan mengumpulkan nabi-nabi di Gunung Karmel. Elia pergi di hadapan orang Israel dan berkata...
- Elia : (Katakan kepada orang Israel)... Berapa lama kamu teragak-agak antara dua pendirian? Jika Tuhan ialah Allah, ikutlah Dia; tetapi jika Baal ialah Allah, ikutlah dia!

Orang Israel : (Tengok muka Elia. Jangan katakan apa-apa)

- Elia : (Kehilangan kecawa)... Saya SATU-SATUNYA nabi Tuhan yang tinggal, tetapi Baal mempunyai 450 orang nabi! Ambillah dua ekor lembu untuk kita. Biarlah mereka memilih seekor, dan biarlah mereka memotongnya serta meletakkannya di atas kayu api tetapi jangan nyalakan api. Saya akan sediakan lembu yang satu lagi, dan meletakkannya di atas kayu api tetapi tidak menyalaan api. Kemudian panggillah nama dewa kamu, dan saya akan memanggil nama Tuhan. Tuhan yang menjawab dengan api - Dialah Allah!

Orang Israel : Ahhh... kata-katamu baik!
(anggukkan kepala & tunjukkan ibu jari tanda setuju)

- Elia : (Bercakap kepada nabi-nabi Baal) ... Pilih salah satu lembu itu dan sediakannya DAHULU, kerana KAMU SANGAT BANYAK. Panggillah nama dewa kamu, tetapi jangan nyalakan api.

Nabi-nabi Baal : (Berpura-pura mengambil seekor lembu, memotongnya, dan meletakkannya di atas kayu api. Mulalah berteriak...)

O Baal, jawablah kami!! O Baal, jawablah kami!!
(Menari-nari di sekeliling mazbah. Teruslah berteriak...)
O Baal, jawablah kami!! O Baal, jawablah kami!!

Pencerita : Nabi-nabi Baal memanggil nama Baal dari pagi sehingga tengah hari. Pada tengah hari, Elia mula mengejek mereka...

Elia : Berteriaklah dengan lebih nyaring! Pasti dia dewa! Mungkin dia asyik berfikir, atau sibuk, atau pergi ke tempat lain! Mungkin dia tidur dan harus dibangunkan!

Nabi-nabi Baal : (Berteriak dengan lebih nyaring)

O Baal, jawablah kami!! O Baal, jawablah kami!!

(Berpura-pura melukakan tubuh kamu
dengan pedang dan lembing. Teruslah berteriak...)

O Baal, jawablah kami!! O Baal, jawablah kami!!

Pencerita : Tengah hari berlalu, dan mereka terus saja bernubuat dengan cemas sehingga sampai masa mempersembahkan korban petang. Tetapi tiada juga jawapan; tiada sesiapa yang menjawab, tiada yang peduli. Lalu tiba-tiba giliran Elia.

Elia : (Berpura-pura membuat sebuah mazbah dengan batu-batu. Gali parit yang besar di sekeliling mazbah itu, dan susun kayu api di atasnya, potong-potongan lembu, dan letakkannya di atas kayu api.) Kemudian, perintahkan orang Israel.

Penuhkan empat buah
tempayan dengan air
dan tuangkan ke atas
persesembahan itu dan
juga kayu api!

**Orang Israel : (Berpura-pura
menuangkan air ke atas
mazbah)**

Elia : Tuang lagi!

Pencerita : Elia mengarah orang Israel untuk melakukan ini tiga kali. Air mengalir di sekeliling mazbah dan memenuhi parit yang besar. Lalu Elia maju dan berkata...



Elia : Ya TUHAN, Allah Abraham, Ishak dan Israel, hendaklah diketahui pada hari ini bahawa Engkaulah Allah di Israel dan akulah hamba-Mu dan melakukan semua ini atas perintah-Mu.

Jawablah aku, ya Tuhan, jawablah aku, agar semua orang ini mengetahui bahawa Engkaulah, ya Tuhan, ialah Allah, dan Engkau membawa hati mereka kembali.

Pencerita : Kemudian, api Tuhan turun dan membakar korban itu, kayu api, batu-batu dan tanah, dan mengeringkan air di dalam parit!

Orang Israel : (Meniarap ke tanah dengan muka menyentuh lantai)
Tuhan - Dialah Allah! Tuhan - Dialah Allah!

Elia : Tangkaplah nabi-nabi Baal! Jangan biarkan seorang pun terlepas!

Orang Israel : (Tangkap nabi-nabi Baal)

Pencerita : Nabi-nabi Baal ditangkap dan mereka dibunuhi oleh orang Israel.

Orang Israel : (Berpura-pura membunuhi Nabi-nabi Baal)

~~~ Tamat ~~~

Seronok tak?? Saya harap kamu seronok, dan juga ingat cerita itu dengan baik.

Dalam peristiwa yang luar biasa ini, Elia benar-benar mengubah orang Israel – daripada penyembah Baal berubah menjadi penyembah Allah yang Hidup. Satu lawan 450... Elia benar-benar kalah jumlah! Namun, dia dapat bersuara dengan lebih berkuasa daripada mereka semua.

Apakah yang memberi Elia iman dan keberanian yang

**begitu hebat?**

Pertama, dia memang melakukan kehendak Allah – dia tidak melakukan apa yang dia fikir paling baik, tetapi dia menerima perintah Allah untuk menghadap Raja Ahab, yang membawa kepada ujian terakhir yang hebat ini.

Bagaimanapun, terdapat juga sebab yang kedua. Sebelum pun semua ini berlaku, Elia telah belajar untuk mempunyai iman dan keberanian. Apabila Allah menyuruh dia untuk memberitahu Raja Ahab bahawa hujan tidak akan turun di Israel, dia berani dan mentaati Allah. Apabila Allah memberitahu dia bahawa burung gagak akan membawa makanan kepadanya di tepi anak sungai, dia beriman bahawa hal itu akan berlaku dan dia mentaati Allah.

Apabila Allah menyuruh dia meninggalkan anak sungai itu dan pergi ke Sarfat supaya seorang balu akan menyediakan makanannya, Elia percaya dan melakukan suruhan Allah. Apabila anak lelaki balu itu meninggal semasa Elia bersama-sama mereka, Elia beriman bahawa Allah akan menghidupkan semula anak itu dan hal itu benar-benar berlaku.

Sebagaimana yang kita lihat, iman dan keberanian yang hebat tidak terjadi dalam satu malam. Ia terjadi apabila kita memilih untuk percaya kepada Allah, kemudian cukup berani untuk mentaati Dia pada setiap langkah seterusnya. Sedikit demi sedikit iman dan keberanian kita bertumbuh apabila kita melihat bahawa kita boleh mempercayai Allah dan Dia ternyata setia.



## Minggu 4: Harapan Jubli bagi Semenanjung

*Minggu ini, kita akan berdoa untuk Semenanjung Malaysia. Semasa kita berdoa dan menyerahkan Semenanjung Malaysia kepada Allah, marilah kita ingat bahawa “Doa” yang bertahan adalah “Doa” yang berkesan! Marilah kita terus percaya dan memohon Allah akan kehadiran-Nya di Semenanjung Malaysia agar perubahan yang sungguh akan berlaku!*



## Kerajaan Beraja

Makanan rohani: Mazmur 2:13

Di Malaysia, Yang Dipertuan Agong adalah lambang kuasa, wibawa dan kerajaan. Walaupun baginda bukan ketua kerajaan, baginda mempunyai peranan rasmi dan tanggungjawab untuk dijalankan, dan juga mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam kes-kes tertentu. Yang Dipertuan Agong dilantik oleh Persidangan Raja-Raja di Semenanjung Malaysia dan tidak 'mewarisi' takhta. Yang Dipertuan Agong pada masa ini ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tuanku AlHaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni AlMarhum Sultan Badlishah.

Berdoa untuk Kerajaan Beraja:

- Berdoa agar Allah memberkati Yang Dipertuan Agong.
- Berdoa agar Yang Dipertuan Agong melaksanakan tanggungjawab baginda dengan kebijaksanaan dan keadilan.
- Berdoa agar Yang Dipertuan Agong akan bersuara dan bertindak bagi semua rakyat Malaysia.





## Parlimen

Makanan rohani: Imamat19:15

**Parlimen Malaysia** memainkan peranan penting di dalam negara kita kerana ia mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang dan mengambil keputusan tentang hal-ehwal kewangan di Malaysia.

**Parlimen terdiri daripada dua bahagian:** Para Senator dan Ahli Parlimen diberikan kuasa selama lima hingga enam tahun, suatu masa yang lama.

Berdoa untuk Malaysia:

- Berdoa agar para ahli Parlimen mempunyai suara hati yang baik dan membuat undang-undang yang adil.
- Berdoa agar mereka akan mempunyai keberanian untuk bersuara jika kerajaan tidak adil.
- Berdoa agar mereka mempunyai kebijaksanaan untuk membuat keputusan yang baik untuk negara kita.





## Perkhidmatan Awam

Makanan rohani: Pengkhutbah10:17

**Perkhidmatan Awam Malaysia adalah bahagian besar dalam kerajaan.** Ia mempunyai banyak pekerja... 1.2 juta semuanya!... dan mereka merangkumi 28 jenis perkhidmatan. Tugas mereka yang banyak sekali itu termasuklah memperhatikan kepentingan orang awam, memastikan keselamatan, dan membangunkan masyarakat. Mereka adalah sebahagian daripada kerajaan yang menjalankan undang-undang dan perancangan.

**Memang penting** bagi perkhidmatan awam untuk setia kepada kepentingan rakyat dan juga memberikan nasihat yang seimbang kepada pihak atasan mereka. Kebanyakan kaki tangan dalam perkhidmatan awam adalah orang Melayu.

Berdoa untuk Malaysia:

- Berdoa agar Allah akan memberkati para pekerja dalam perkhidmatan awam.
- Berdoa agar perkhidmatan awam akan melakukan pekerjaan mereka dengan baik dan saksama.
- Berdoa agar lebih banyak peluang pekerjaan diberi kepada suku bangsa bukan Melayu supaya perkhidmatan awam dapat mewakili semua kaum.





## Orang Asli

Makanan rohani: Yesaya 61:18

Pada hari ini, marilah menyerahkan Orang Asli kepada Allah. **Orang Asli** ialah  **kaum minoriti dan penduduk asal Semenanjung Malaysia**. Mereka boleh dibahagi kepada tiga kumpulan besar: Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Tiga kumpulan ini terbahagi kepada 18 suku yang lebih kecil lagi.

Pada awal tahun 1950-an, **Orang Asli diperkenalkan kepada kemudahan asas kesihatan dan pendidikan**. Pada masa itu, sebuah undang-undang - Ordinan Orang Asli - dibuat untuk melindungi hak-hak Orang Asli. Tindakan kerajaan itu baik kerana mereka mengambil tanggungjawab untuk melindungi Orang Asli.

**Walaupun Akta (atau undang-undang) ini memberikan beberapa hak kepada Orang Asli, terdapat beberapa kelemahan yang utama.** Sebenarnya, Akta itu membenarkan pihak berkuasa untuk memberikan arahan kepada mana-mana masyarakat Orang Asli untuk meninggalkan sesuatu kawasan, sehingga mereka terpaksa meninggalkan tanah nenek moyang mereka. Selain itu, satu orang - Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) - mempunyai kata putus dalam segala hal yang ada kaitan dengan pengurusan Orang Asli. Oleh sebab undang-undang dibuat dengan cara ini, Orang Asli sendiri hampir tiada suara dalam keputusan yang dibuat oleh JAKOA. Marilah berdoa hari ini agar Allah melindungi hak dan kehidupan Orang Asli.

### Berdoa bagi Orang Asli Malaysia:

- Berdoa agar perubahan besar berlaku dalam undang-undang Orang Asli, agar mereka mempunyai hak atas tanah dan hal-hal yang mereka sendiri.
- Berdoa agar status dan hak mereka akan masukkan dalam Perlembagaan Persekutuan (undang-undang paling tinggi di Malaysia).
- Berdoa agar anak-anak Orang Asli akan cemerlang dalam pelajaran dan pekerjaan mereka supaya mereka mempunyai pengetahuan untuk bersuara dan melindungi masyarakat mereka sendiri.





## HARI MERDEKA

Makanan rohani: Ulangan 16:20

Hari ini ialah hari yang penting - hari ketika Semenanjung Malaysia (dahulu Malaya) mendapat kemerdekaan daripada British! Sebagai negara yang berdikari, Malaysia telah maju dengan begitu pesat. Hari ini, Malaysia telah menjadi salah sebuah negara maju di Asia.

Kita bersyukur kepada Allah atas kemerdekaan dan kemajuan kita, tetapi kita masih perlu mendoakan banyak perkara. Kita perlu mendoakan masalah yang sedang kita hadapi sekarang: rasuah, penyalahgunaan kuasa, tidak bertanggungjawab, masalah sosial, tekanan perkauman dan agama.

Masalah-masalah ini perlu diselesaikan kerana jika tidak kita akan kehilangan segala yang kita telah capai sebagai satu negara.

Marilah menyerahkan Malaysia kepada Allah hari ini!

Berdoa untuk Malaysia:

- Pertama, bersyukur kepada Allah kerana memberkati Malaysia selama bertahun-tahun.
- Berdoa agar Allah menghentikan segala kelakuan dan sikap yang tidak benar.
- Berdoa agar Allah akan terus memberkati Malaysia.





## Orang Melayu

Makanan rohani: Amsal 10:22

Pada hari ini, kita akan mendoakan orang Melayu.

Orang Melayu ialah kumpulan etnik yang terbesar di Semenanjung Malaysia, dan terdiri daripada 67% penduduk! Sebagai orang majoriti, mereka menguasai sebahagian besar pentadbiran kerajaan.

**Menurut undang-undang, semua orang Melayu adalah Muslim.** Menurut undang-undang, mereka tidak dibenarkan untuk mengubah agama. Bersaksi kepada orang Melayu pun merupakan perbuatan yang melanggar undang=undang. Selain itu, jika seorang bukan Melayu berkahwin dengan orang Melayu, orang bukan Melayu itu MESTI menjadi Muslim. Anak-anak secara automatik menjadi Muslim jika seorang atau kedua-dua ibu bapa mereka adalah Muslim.

**Pada umumnya orang Melayu bersikap toleransi, mesra, ramah dan suka menolong.** Mereka juga berbakat seni yang suka akan muzik dan tarian tradisional.

Bagaimanapun, terdapat orang Melayu yang merasa bahawa hak mereka terancam.

Berdoa bagi kawan-kawan Melayu kita:

- Berdoa agar Allah akan memberkati orang Melayu.
- Berdoa agar Harapan Jubli akan terjadi kepada orang Melayu - dalam setiap segi kehidupan mereka.



2 SEPT, AHAD

HARI 27



## Elia: Doa yang tetap

Minggu lalu kita melihat perkara yang berlaku dalam **Pertandingan Besar** antara Elia dan Nabi-Nabi Baal. Kini, Israel sudah bersedia untuk berubah.



Elia mengetahui apa yang dia harus lakukan sekarang. Dia berkata kepada Raja Ahab: "Pergilah makan, kerana hamba mendengar deru hujan yang segera datang."

**Selepas tiga tahun, akhirnya hujan datang lagi ke Israel!**

Raja Ahab melakukan seperti apa yang disuruh oleh Elia kepadanya dan pergi makan dan minum. Lalu Elia mendaki sampai ke puncak Bukit Karmel dan mula berdoa untuk hujan.

Tunggu... jika Elia pergi ke puncak Bukit Karmel untuk berdoa meminta hujan, ini bererti... belum ada hujan pada masa ini!

Ambil masa 5 minit. Bincangkan hal ini dengan rakan Combo anda:

Bayangkan anda ialah Elia. Anda baru saja memberitahu Raja Ahab bahawa hujan lebat akan turun. Bagaimanapun, tiada tanda sedikit awan pun di langit.

Berikan tiga perkataan untuk menerangkan bagaimana perasaan anda.

### **Apakah yang dilakukan oleh Elia dalam keadaan ini?**

Dia mendaki Bukit Karmel dan **berdoa**. Selepas berdoa, dia menyuruh hambanya pergi melihat ke arah laut untuk melihat jika ada awan. Hambanya berbuat begitu, tetapi kembali kepada Elia dan mengatakan bahawa dia tidak melihat apa-apa.

Elia menyuruh hambanya untuk keluar dan melihat ke arah laut lagi. Hambanya berbuat demikian, dan kembali untuk kali kedua, dan mengatakan hal yang sama: Tiada apa-apa yang kelihatan.

Sekali lagi, Elia menyuruh hambanya keluar dan memandang ke arah laut.

Sekali lagi, hambanya melakukan suruhan Elia, dan sekali lagi, dia kembali dan mengatakan hal yang sama: Tiada apa-apa yang kelihatan.

Ambil 10 minit. Lakukan aktiviti ini dengan rakan Combo anda.

**Orang A:** Suruh Orang B keluar dari bilik untuk melakukan sesuatu untuk anda.

*“Tolong keluar dan lihat sama ada \_\_\_\_\_”*  
*(Misalnya, Jika posmen ada menghantar surat.)*

**Orang B:** Keluar dari bilik. Lakukan apa saja yang disuruh oleh Orang A.

**[Orang A – suruh Orang B melakukan hal yang sama sehingga 3 kali]**

Selepas aktiviti itu, bincangkan perkara ini.

**Orang B – Apa perasaan anda apabila Orang A menyuruh anda untuk melakuan sesuatu sebanyak tiga kali?**

Mungkin Elia dan hambanya merasakan hal yang sama.

## **Bagaimanapun, adakah Elia berputus asa pada masa itu?**

**Alkitab menyatakan bahawa dia tidak berbuat begitu.** Elia mempunyai iman yang begitu besar sehingga Allah menepati janji-Nya. Sekali lagi dia menyuruh hamba-Nya keluar untuk melihat ke arah laut... empat kali lagi. Pada kali yang ketujuh, hamba itu kembali dan melaporkan: "Awan sekecil tapak tangan manusia sedang naik dari laut."

**Hal itu cukup bagi Elia.** Dia mengarah hambanya, "Pergilah menghadap Raja Ahab. Suruhlah baginda mengendarai kereta kudanya dan berangkat pulang, sebelum baginda dihalangi hujan."

Semasa hamba itu melakukan suruhan Elia, langit menjadi gelap kerana awan, angin bertiup, dan hujan lebat turun. Di sini dicatatkan bahawa kuasa Allah turun ke atas Elia dan dia berlari DI HADAPAN Raja Ahab sehingga sampai ke tempat yang dipanggil Yizreel.

**Ada lagi hujan di Israel!**

## **Adakah anda pendoa yang tetap?**

Elia ialah... dan dia terus berdoa sehingga dia melihat apa yang dijanjikan oleh Allah.



## Minggu 5: Harapan Jubli untuk Sarawak

*Minggu ini, kita akan berdoa untuk keperluan Sarawak. Marilah berdoa agar Allah memenuhi keperluan-keperluan itu dan menjadi Kekuatan mereka. Sesungguhnya, Dialah kekuatan kita dalam kelemahan kita. Semoga Harapan Jubli datang ke Sarawak!*



## Mengubah Masyarakat

Makanan rohani: Matius 5:16

Tuhan melakukan pekerjaan istimewa di dalam hati beberapa orang pemimpin Kristian di Sarawak. Mereka mula melihat kepentingan menjangkau dan membawa perubahan yang baik kepada masyarakat dan BUKAN HANYA gereja. Mereka mula mencari panggilan Allah dalam banyak segi; keluarga, pendidikan, perniagaan, politik, media, hiburan.

Marilah terus berdoa agar Allah akan memberikan orang Kristian Sarawak hati untuk masyarakat mereka!

Berdoa untuk Sarawak:

- Para pemimpin Kristian akan terus menerima pimpinan daripada Allah agar mereka mengetahui bagaimana menolong masyarakat.
- Allah akan memberi mereka hikmat tentang bagaimana membawa perubahan yang baik dalam banyak segi yang berlainan.
- Para pemimpin gereja akan disatukan dalam kerja masyarakat.
- Semakin ramai orang Kristian di Sarawak akan membawa perubahan yang baik dan bukan hanya di gereja tetapi dalam masyarakat.





## Pemimpin Kristian

Makanan rohani: Yosua 1:7

Walaupun Sarawak mempunyai pemimpin Kristian yang baik, sukar juga bagi mereka untuk menyatupadukan semua orang Kristian daripada berbagai-bagai denominasi dan kumpulan. Ini disebabkan oleh perbezaan yang banyak antara kumpulan ini dalam cara berfikir dan budaya.

Terdapat keperluan yang nyata bagi para pemimpin Kristian di Sarawak yang dapat mempengaruhi dan mempersatukan semua orang Kristian di negeri itu. Kemampuan mereka sebagai pemimpin perlu bertumbuh dengan lebih besar, dan kita mesti berdoa agar Allah akan membangkitkan para pemimpin seperti itu.

Berdoa untuk Sarawak:

- Allah akan menyediakan pemimpin yang dapat menyatupadukan semua orang Kristian di Sarawak.
- Para pemimpin ini takut dan hormat akan Allah serta rendah hati.
- Para pemimpin ini akan menerima kuasa rohani yang perkasa daripada Allah untuk melaksanakan maksud-Nya di Sarawak.





## Orang Kristian di Sarawak akan bersatu

Makanan rohani: Yohanes 17:23

Sejak para misionari datang ke Sarawak dan memulakan gereja-gereja baru, terdapat pertumbuhan yang pesat apabila berbagai-bagai kumpulan Kristian bekerja keras untuk membangun gereja mereka masing-masing dan melakukan pelayanan misi. Bagaimanapun, mereka sangat kurang berkomunikasi dengan satu sama lain dan dengan itu, sedikit sekali kesatuan dalam masyarakat Kristian.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, keperluan untuk bersatupadu telah menjadi lebih penting kerana keperluan masyarakat yang lebih besar. Antara keperluan ini adalah:

- Kebebasan beragama.
- Pemerintahan yang baik.
- Penghapusan kemiskinan.

Ini merupakan cabaran yang nyata dan memerlukan kesatuan yang kuat antara orang Kristian agar mereka dapat bekerjasama dan mempunyai suara yang kuat.

Berdoa untuk Sarawak:

- Orang Kristian tidak membiarkan perbezaan untuk memecah-belah mereka.
- Orang Kristian berusaha membina persahabatan satu dengan yang lain.
- Orang Kristian akan bekerjasama dengan baik untuk berjuang bagi keperluan-keperluan itu.





## Kaum Muda

Makanan rohani: Matius 6:33

Di Sarawak, dari bandar besar seperti Kuching dan Miri sehingga pekan dan kampung seperti Serian dan Lachau, orang muda mempunyai persamaan ini: hubungan dengan alam siber melalui akses kepada Facebook, YouTube, Twitter dan world wide web (WWW). Kebanyakan mereka juga bertekad untuk mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan, masuk universiti, lalu mendapat pekerjaan yang dianggap 'baik' dan bergaji tinggi dalam masyarakat.

**Agar dapat membimbing orang muda dengan jayanya** supaya mereka hidup akrab dengan Allah dan memenuhi tujuan Allah dalam hidup mereka, gereja perlu mengetahui cara untuk berhubung dengan kaum muda hari ini di 'dunia mereka'.

Berdoa untuk Sarawak:

- Berdoa agar ibu bapa, pastor dan pemimpin akan memahami apa yang diperlukan dan dihadapi oleh orang muda supaya pemimpin dapat membimbing mereka dengan baik.
- Berdoa agar orang muda akan melihat bahawa bukan hanya pelajaran dan kerjaya mereka penting, tetapi membela kebenaran dan keadilan pun penting.
- Berdoa agar orang muda Sarawak akan rela balik bekerja di negeri mereka sendiri.





## Kerajaan yang Saksama

Makanan rohani: Yesaya 1:17

Sarawak sebuah negeri yang kaya dengan sumber alam semulajadi tetapi juga mempunyai pekan-pekan dan kampung-kampung yang belum maju. Selepas 49 tahun menjadi sebahagian daripada Malaysia, kita perlu berdoa untuk kerajaan yang adil, yang melakukan apa yang benar dan mencukupi keperluan rakyat. Kita juga perlu berdoa agar jemaah bersuara berkaitan dengan politik. Orang Kristian perlu lebih berminat dengan kerajaan negeri Sarawak dan bertanggungjawab untuk mengundi parti yang sesuai.

### Berdoa untuk Sarawak:

- Kerajaan akan takut akan Allah dan melakukan yang benar.
- Kerajaan boleh menggunakan kekayaan sumber alam Sarawak supaya rakyat dapat hidup dengan lebih baik.
- Orang Kristian mula terlibat dalam politik.
- Orang Kristian akan bertanggungjawab untuk memahami politik dan mengundi parti yang sesuai.





## Ekonomi Baik

Makanan rohani: Amsal 28:2

**Ekonomi Sarawak berdasar pada sumber alam**, dan beberapa bahagian yang menyumbang kepada ekonomi adalah perlombongan, pembalakan, pertanian, pelancongan, pembinaan, pengilangan dan perkhidmatan.

Walaupun Sarawak mempunyai banyak sekali sumber alam, ramai orang Sarawak hidup dengan gaji kecil dan miskin!

Berdoa untuk Sarawak:

- Berdoa agar kerajaan menyediakan pendidikan, kemudahan dan ganjaran yang sama rata agar lebih banyak bisnes di Sarawak.
- Berdoa untuk lebih banyak kerja supaya orang Sarawak yang profesional lebih berminat untuk kembali.
- Berdoa untuk lebih banyak bisnes Kristian yang dapat membantu ekonomi Sarawak.



## Elia - takut?!

Elia??! Ya, Elia, nabi yang hebat -orang yang memanggil api turun dari syurga, yang mempunyai iman yang besar bahawa Allah akan menurunkan hujan, yang berlari lebih laju daripada Raja Ahab dan kereta kudanya - nabi yang hebat itu... **takut!**



Sukar untuk percaya... terutama selepas apa yang kita baca dan ketahui tentang dia dalam beberapa minggu lalu, tetapi ini memang benar. Alkitab mencatat bahawa Elia melalui masa yang menakutkan, dan sebenarnya dia lari untuk menyelamatkan diri.

### Dia takut dengan siapa?

Selepas Elia telah melakukan semua itu, Raja Ahab memberitahu isterinya Izebel bahawa Elia telah membunuh semua nabinya. Izebel tentu saja sangat marah dan menghantar utusan kepada Elia. Pesannya seperti ini:

"Biarlah para dewa membunuh aku, jika esok pada waktu ini aku tidak memperlakukan engkau seperti engkau memperlakukan nabi-nabi itu".



Apabila Elia mendengar hal ini, dia lari jauh ke gurun. Dia takut akan apa yang mungkin dilakukan oleh Izebel kepadanya! Inilah saat paling sukar baginya sebagai nabi untuk Elia. Dia duduk di bawah sebatang pokok, dan mula berdoa, tetapi kamu tahu apa doa permohonannya? Dia berdoa agar dia mati! Dia memberitahu Allah, "Penderitaan ini terlalu berat bagiku, ya TUHAN. Ambillah nyawaku, lebih baik aku mati!"

Selepas dia berdoa begitu, dia baring di bawah pokok itu dan tertidur.

Bayangkan kamu sedang berjalan lalu dan kamu melihat seorang lelaki tidur di bawah sebatang pokok. Kamu membangunkan dia, dan dia tidak suka dengan kamu. Dia berkata, "Biarkan aku sendiri! Aku di sini, tunggu mati saja!"

Adakah kamu percaya bahawa dia seorang hamba Allah yang hebat? Adakah kamu percaya bahawa dia pernah memanggil api dari syurga dan mencabar 450 orang nabi dalam satu pertandingan yang hebat?

Saya fikir kamu sukar untuk mempercayainya. Bagaimana mungkin seorang hamba Allah bertindak seperti itu?

Ambil masa 10 minit. Bincang hal ini dengan rakan Combo kamu:

- Siapakah hamba Allah yang kamu tahu?  
(Mungkin dia seorang pastor, guru, kawan, atau kisah seseorang yang pernah kamu baca.)
- Mengapa kamu mengagumi dia?
- Pernahkah anda membayangkan bahawa seseorang itu boleh menjadi seperti Elia, terdesak dan mahu menyerah kalah?  
Mengapa?

**Apa yang ditunjukkan oleh Elia kepada kita adalah hamba Allah pun manusia juga, sama seperti orang lain.** Terdapat sesuatu di sini yang kita semua boleh belajar. Walaupun kita orang Kristian dan mempunyai Allah dalam hidup kita, kita juga kadang-kadang menjadi takut, tidak pasti dan merasa seolah-olah hendak mengalah saja. Penting juga kita menyedari bahawa kita adalah manusia dan mempunyai kelemahan. Allah melihat hal itu, dan memberi kita kekuatan-Nya.

**Jika kamu terus membaca, kamu akan melihat bagaimana Allah bertindak terhadap saat-saat kelemahan Elia.**

Di dalam Alkitab, diceritakan bahawa Elia berbaring di bawah pokok dan tertidur, dan malaikat datang dan menyentuh dia, serta berkata, "Bangunlah dan makanlah." Elia lihat di sekeliling dan di sana, di sisinya, ada seketul roti yang dimasak di atas bara panas, dan sebuah bekas air. Lalu dia makan dan minum, kemudian baring lagi.

Malaikat Tuhan kembali untuk kali kedua, serta menyentuhnya, dan berkata: "Bangunlah dan makanlah, kerana perjalanan ini terlalu susah untukmu." Elia bangun lagi, makan, dan minum. Selepas itu, setelah dikuatkan dengan makanan, dia berjalan selama 40 hari dan 40 malam sehingga dia sampai ke Gunung Sinai. Di sana, dia masuk ke sebuah gua dan bermalam di sana.

Bincangkan perkara ini dengan rakan Combo kamu:

- Adakah Allah marah dengan Elia kerana dia merasa tertekan dan takut?
- Apakah yang dilakukan oleh Allah untuk membuat Elia merasa lebih baik?
- Mengapa kamu fikir Allah membekali Elia dengan apa yang dilakukan-Nya?

**Bahagian ini dalam pengalaman Elia sangat penting untuk dipelajari.** Kita dapat melihat bahawa Allah setia menjaga Elia walaupun dia lemah. Allah menyediakan keperluan jasmaninya dengan makanan dan air, serta menguatkan dia. Kita dapat melihat di sini bahawa Allah sangat mengasihi dan Dia juga Allah yang praktikal, dan Dia bersabar dengan kita.



**Minggu 6: Jubli & Keprihatinan Kebangsaan!**



## Mengurangkan Kemiskinan

Makanan Rohani : Ulangan 15:11, Imamat 19:10

Hidup dalam kemiskinan sangat sukar untuk hidup - tidak ada makanan dan pakaian yang mencukupi dan tiada tempat tinggal yang sepatutnya. Bagi mereka yang mempunyai keluarga, keadaan menjadi lebih sukar lagi kerana ramai yang harus di beri makan. Kelaparan, kesejukan, penyakit dan tekanan membuat setiap hari mereka bergumul dan merasa keciwa dan putus asa.

Kristian perlu terus berdoa terhadap kemiskinan dan melakukan sesuatu yang boleh membantu golongan miskin. Hati Tuhan adalah untuk orang miskin, dan pada tahun Jubli ini, marilah kita berdoa supaya Allah akan membawa pembebasan yang besar kepada golongan miskin dan membawa penyembuhan kepada mereka yang dalam kesakitan.

### Berdoa untuk golongan miskin di Malaysia

- Berdoa supaya Tuhan menyediakan keperluan golongan miskin dan menyembuhkan mereka dari kesakitan.
- Berdoa supaya Kerajaan akan melindungi dan menyediakan keperluan bagi golongan Miskin.
- Berdoalalah supaya gereja akan terus menjaga golongan miskin, memberi pengharapan dan membantu mereka.
- Berdoa supaya ada banyak peluang bagi golongan miskin untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik pada tahun Jubli ini.





## Tiada Rasuah lagi

Makanan rohani: Amsal 28:13

Rasuah berlaku apabila seseorang yang diberikan kuasa menggunakan kuasa itu untuk tujuan yang salah atau untuk kepentingan sendiri. Semakin ramai orang Malaysia mula sedar bahawa rasuah itu salah, dan ini petanda yang baik. Marilah bersyukur kepada Allah untuk itu!

Bagaimanapun, rasuah masih menjadi masalah besar di negara kita - termasuklah perbuatan pihak berkuasa untuk menahan maklumat penting daripada orang awam, dan memberikan projek-projek besar kepada kawan-kawan sendiri, sedangkan projek itu sepatutnya dibuka kepada semua orang.

Kita mesti terus berdoa untuk menentang rasuah di negara kita agar masyarakat kita menjadi kuat dalam nilai-nilai murni dan negara kita boleh benar-benar maju!

### Berdoa untuk Malaysia:

- Berdoa agar ada budaya kejujuran di Malaysia.
- Berdoa agar kerajaan dapat mengusahakan supaya masyarakat bebas daripada rasuah.
- Berdoa agar gereja menjadi contoh yang baik dan gaya hidup orang Kristian sehari-hari akan mencabar orang lain untuk hidup benar.





## Tiada lagi perlakuan yang tidak adil!

Makanan rohani: Yesaya 19:20

Ramai Orang Asli di Semenanjung Malaysia & Bumiputera di Sabah dan Sarawak tidak diperlakukan dengan adil. Sebagaimana kita berdoa pada awalnya, Orang Asli menghadapi banyak masalah dengan tanah mereka - ramai yang tidak diakui sebagai pemilik tanah mereka sendiri atau diberi sedikit sekali hak atas tanah mereka. Bumiputera di Sabah dan di Sarawak pun menghadapi masalah yang sama. Dalam undang-undang, Bumiputera seharusnya menikmati hak-hak istimewa, tetapi dalam beberapa keadaan, perkara ini tidak berlaku. Apabila ketidakadilan seperti itu terjadi, banyak kesukaran, ketidakselesaan dan kemarahan berlaku kerana apa yang sepatutnya diberi telah dirampas.

Pada hari ini, marilah berdoa untuk golongan orang Malaysia tersebut. Marilah berdoa agar Allah dapat mendatangkan keadilan & kesaksamaan kepada keadaan mereka & melindungi mereka daripada perlakuan yang tidak adil.

Berdoa untuk Orang Asli & Bumiputera di Sabah dan Sarawak:

- Berdoa agar kerajaan akan berlaku adil dan memperlakukan golongan ini dengan adil, dengan sepatutnya
- Berdoa agar Allah akan membangkitkan pemimpin yang cekap antara golongan ini supaya mereka boleh bersuara bagi kaum mereka.
- Berdoa agar Allah akan membebaskan golongan ini daripada beban mereka & mengembalikan hak-hak mereka kepada mereka.





## Kebebasan Beragama

Makanan rohani: Mazmur 27: 1-6

**Di Malaysia, setiap orang mempunyai hak untuk mengamalkan agamanya dengan bebas.** Walaupun orang berlainan mempunyai agama yang berbeza, kita telah bersetuju untuk menerima dan menghormati agama masing-masing.

**Bagaimanapun, dalam beberapa tahun ini, terdapat beberapa kes yang tidak bertoleransi dalam hal keagamaan.** Ada beberapa syarat yang tidak adil telah diberi kepada orang yang mengamalkan agama mereka, dan ini tidak menghormati perjanjian tentang kebebasan beragama.

Kita perlu berdoa agar Kebebasan Beragama dihormati dan dilindungi di Malaysia.

Berdoa untuk Malaysia:

- Berdoa agar kebebasan beragama terus dihormati.
- Berdoa agar Allah melindungi dan membebaskan orang yang menjadi mangsa ketiadaan toleransi agama.
- Berdoa agar gereja akan berdiri dengan berani untuk menentang ketiadaan toleransi agama.





## Perpaduan Kaum

Makanan rohani: Efesus 4:2; Kolose 3:14

Berapa orang kawan daripada kaum yang berbeza yang kamu kenal?

**Malaysia sebuah negara yang terdiri daripada banyak bangsa dan suku**, dan kita semua mempunyai amalan budaya masing-masing - misalnya, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Gawai, Hari Kaamatan - tetapi kita mempunyai satu perkara penting yang sama - kita semua orang Malaysia.

**Kita perlu terus berdoa untuk keamanan dan kerukunan antara kaum di negara kita.** Perpaduan kaum perlu bertahun-tahun untuk dibina, tetapi jika ia tidak dipelihara dengan baik, perpaduan boleh hancur.

Marilah berdoa agar dalam Tahun Jubli ini, Allah akan memampukan orang Malaysia untuk menerima, menghormati dan mengasihi satu sama lain.

Berdoa untuk Malaysia:

- Berdoa agar orang Malaysia akan memahami betapa pentingnya **MEMILIH** untuk menerima, menghormati dan mengasihi satu sama lain.
- Berdoa agar perpaduan yang sebenar wujud antara kaum.
- Berdoa agar gereja menjadi contoh yang baik akan **PERPADUAN** antara kaum.





## Merayakan Malaysia yang Benar-Benar Bebas!

Makanan rohani: Mazmur 103: 6-12

Allah kita amat baik dan penuh kasih!

TUHAN membela orang yang tertindas dan bertindak dengan adil.

Dia menyatakan rancangan-Nya kepada Musa,  
dan perbuatan-Nya kepada bangsa Israel.

TUHAN pengasih dan penyayang, panjang sabar, penuh dengan kasih.

Dia tidak selalu murka, Dia tidak selalu menaruh dendam.

Dia tidak menghukum kita setimpal dengan dosa kita,

Dia tidak membalaik kita setimpal dengan kesalahan kita.

Tetapi setinggi langit dari bumi,

settinggi itu juga kasih-Nya kepada orang yang menghormati-Nya.

Sejauh timur dari barat, sejauh itu juga dibuang-Nya dosa kita.

Selepas berdoa dan berpuasa selama 40 hari untuk Harapan Jubli supaya tiba di Malaysia, marilah kita semua ingat perkara ini: **Harapan Jubli tidak bergantung pada kita melainkan pada Allah!** Dialah yang melakukannya kerana Dia baik, penuh rahmat, berbelas kasihan, dan penuh kasih. Dia akan membawa kebenaran dan keadilan kepada negara kita kerana semua itu penting bagi-Nya!

**Sebagai jemaah-Nya, kita perlu menyerahkan masa depan Malaysia kepada-Nya.** Marilah bekerja rapat dengan-Nya semasa kita terus mendengar hati-Nya untuk negara kita. Seperi Elia, Marilah kita berseru kepada Tuhan dengan tekun untuk memohon kebebasan, kesembuhan, kebenaran dan keadilan serta segala sesuatu yang telah hilang di Malaysia - pada Tahun Jubli ini!

Berdoa untuk Malaysia:

- Berdoa agar jemaah meletakkan keyakinan PENUH kepada Allah.
- Berdoa agar maksud Allah ditepati.
- Berdoa agar Malaysia akan masuk ke dalam Jublinya!







Kamu telah menyelesaikan perlumbaan!!!  
Beri kawan COMBO anda tabik HIGH-5!!!

Terima kasih kerana menghormati Allah  
dengan masa, usaha dan hati kamu.

Allah SENANG HATI apabila anak-anak-Nya  
mencari Dia dengan sepenuh hati mereka!

**FINALE**

Marilah kembali ke **BAHAGIAN TERAKHIR** cerita Elia yang berlaku di Gunung Horeb.

Minggu lalu, perkara terakhir yang kita baca tentang Elia adalah perjalanannya selama 40 hari dan 40 malam dan akhirnya sampai ke Gunung Horeb. Di sana, dia masuk ke dalam sebuah gua dan bermalam di sana.

Sekarang, di atas gunung ini, Allah berfirman kepada Elia, “**Apa yang engkau buat di sini, Elia?**”

Elia menjawab, “Ya TUHAN, Allah Yang Maha Kuasa, aku sentiasa mengabdi kepada-Mu dan kepada-Musahaja. Tetapi umat Israel telah melanggar perjanjian mereka dengan Engkau. Mereka merobohkan mazbah-Mu dan membunuh semua nabi-Mu. Hanya aku seorang yang masih hidup, dan kini mereka hendak membunuh aku pula!”

**Jawapan ini menunjukkan sikapnya – Hei, ini tidak mudah untuk saya.**

**Bagaimana?...** Pada dasarnya dia memberitahu Allah bahawa dia hamba yang sangat setia (betapa baiknya dia). Bagaimanapun, keadaannya sukar dan dia seorang sahaja yang tinggal. Sekarang, dia dalam keadaan yang susah musuh mengejar dia juga.

Bincang perkara ini dengan kawan Combo kamu:

Adakah kamu berfikir bahawa apa yang dikatakan oleh Elia itu benar?  
(Adakah dia hamba yang setia? Adakah keadaannya benar-benar sukar? Adakah musuh mengejar dia?)



## **Apakah yang difikirkan Allah? Bagaimana Allah menjawab Elia?**

Di sini, Allah menggunakan cara yang istimewa untuk menjawab Elia. Allah berfirman: "Keluarlah dari gua itu dan berdirilah di hadapan-Ku di puncak gunung." Kemudian TUHAN lalu di sana.

Elia taat dan menanti akan Allah untuk lalu. Apakah yang dia harap berlaku?

**Pertama, ANGIN** kuat dan kencang bertiup, menggegarkan gunung dan memecahkan batu. Elia melihat - tetapi Allah tiada dalam angin itu.

**Kedua, GEMPA BUMI** berlaku. Elia melihat - tetapi Allah tiada dalam gempa bumi itu.

**Ketiga**, ada **API**. Elia melihat - tetapi Allah tiada dalam api itu.

**Akhirnya**, ada **BISIKAN** yang lembut. Apabila Elia mendengarnya, dia menarik jubahnya untuk menutupi mukanya lalu keluar dan berdiri di mulut gua.

Kemudian terdengarlah suara berkata kepadanya, "Elia, apakah yang engkau lakukan di sini?"

**Soalan yang sama... dan jawapan yang sama daripada Elia:**

"Ya TUHAN, Allah Yang Maha Kuasa, aku sentiasa mengabdi kepada-Mu dan kepada-Mu sahaja. Tetapi umat Israel telah melanggar perjanjian mereka dengan Engkau. Mereka merobohkan mazbah-Mu dan membunuh semua nabi-Mu. Hanya aku seorang yang masih hidup, dan kini mereka hendak membunuh aku pula!"

**Kali ini, Allah memberikan petunjuk yang jelas kepada Elia...**

"Kembalilah ke padang gurun dekat Damsyik. Masuklah ke kota dan lumurilah kepala Hazael dengan minyak sebagai tanda bahawa dia dipilih menjadi raja negeri Siria. Lakukanlah hal yang sama kepada Yehu anak Nimsi supaya dia menjadi raja Israel, dan juga kepada Elisa anak Safat dari Abel-Mehola supaya dia menjadi nabi menggantikan engkau."

"Sesiapa yang dapat melarikan diri daripada pedang Hazael akan dibunuhan Yehu, dan sesiapa yang terlepas daripada pedang Yehu akan dibunuhan Elisa. 18 Namun Aku akan menyelamatkan tujuh ribu orang di Israel, iaitu mereka yang setia kepada-Ku dan belum pernah bersujud kepada Baal, ataupun menciumnya."

### **Apakah yang dipelajari oleh Elia daripada jawapan Allah?**

**Perkara yang Pertama dan PALING PENTING: Elia belajar bagaimana mendengar Allah.**

Di tengah-tengah kesusahannya, ketika dia lari untuk menyelamatkan nyawanya, cemas dan takut... Elia telah melihat pada segala sesuatu yang berlaku di sekelilingnya - Izebel, seorang permaisuri yang berkuasa, marah dan bertekad untuk membunuh Elia... orang Israel, yang tidak setia kepada Allah dan membiarkan Izebel untuk membunuh nabi-nabi Allah... dia sendiri, seorang nabi Allah, bercakap bagi pihak Allah tetapi hanya dia seorang diri tanpa kehadiran nabi-nabi lain...

Semua perkara ini memenuhi fikirannya dan dia gementar ketika memikirkan semua itu. Dia melihat kepada semua itu, tetapi dia gagal melihat satu hal - yang PALING PENTING - Allah.

Elia telah membiarkan segala sesuatu di sekelilingnya untuk menarik perhatiannya sehingga tidak lagi berfokus kepada Allah. Dalam bisikan

yang lembut, Allah berfirman... Elia, engkau perlu berhenti daripada melihat di sekeliling... bertenanglah... dengarlah.

Ketika Elia akhirnya mendengar suara Allah antara semua perkara yang menakutkan di sekelilingnya.... dia mendapati bahawa ... **Allah masih ada di sana.**

Inilah pelajaran Elia yang paling penting.

**Apakah yang berubah bagi Elia apabila dia mendengar suara Allah?**

Apabila kita melihat jawapan Allah, kita melihat bahawa Elia menerima:

**Pimpinan - Allah memberitahu dia: "Pulanglah, saya tidak melarang kamu!"**

Ternyata, Elia berbuat salah dengan melarikan diri. Allah bertanya kepadanya sehingga dua kali apa yang sedang dilakukannya di gunung. Allah memberitahu Elia bahawa dia tidak sepatutnya berada di sana! Elia perlu kembali ke Israel untuk melakukan pekerjaan Allah yang diamanahkan kepadanya!

**Penyelesaian daripada Allah tentang cara menangani keadaan buruk di Israel.**

Allah menghendakinya untuk melantik seorang Raja baru dan seorang Nabi baru, yang akan memperbaiki keadaan di Israel. Raja Ahab bukan Raja yang baik, dan Allah hendak menggantikan dia.

**Akhirnya, pembetulan sikapnya.**

Allah membetulkan sikap Elia yang kasihan diri sendiri dan menganggap diri benar. Allah memberitahu Elia bahawa dia

bukan SATU-SATUNYA nabi yang tinggal - sebenarnya ada 7000 orang nabi lain yang setia dan bersemangat mengikut Tuhan.

**Allah ialah Tuhan yang sangat baik dan bijaksana.** Dalam sepanjang perjalanan Elia, kita dapat melihat hati Allah. Dia memperlakukan Elia dengan sabar dan membiarkannya pulih dengan memberi dia makanan dan air untuk diminum. Selepas Elia menjadi cukup kuat secara jasmani, Allah tidak menggunakan kekerasan melainkan kelembutan ketika menegur Elia - Allah memilih untuk berfirman kepada Elia dalam bisikan yang lembut. Dalam bisikan yang lembut ini, Elia menerima pimpinan, teguran dan penyelesaian kepada semua masalahnya.

**Sama seperti Elia, marilah belajar untuk bertenang dan mendengar suara Allah.** Kemudian, kita akan melihat bahawa ALLAH ADA DI SANA dan Dia setia menyediakan semua keperluan kita.

**Di dalam Yakobus 5: 16b-18 dinyatakan bahawa:**

**Doa orang yang melakukan kehendak Allah mempunyai kuasa yang besar.** 17 Elia pun orang biasa seperti kita. Dia berdoa dengan tekun supaya hujan tidak turun, dan hujan pun tidak turun selama tiga tahun setengah. Kemudian dia berdoa lagi, lalu langit mencurahkan hujan dan tanah mengeluarkan hasilnya.

**Adakah kamu seorang lelaki/wanita/budak lelaki/bukan perempuan kepunyaan Allah?** Di dalam Alkitab dikatakan bahawa jika kamu demikian, doa kamu berkuasa dan berkesan. Kita boleh berdoa seperti Elia, seorang yang benar. Doanya didengar walaupun sebagai manusia, dia juga mempunyai kelemahan seperti kita.

Apabila dia berdoa dengan sungguh-sungguh agar hujan tidak turun,

negara itu tidak mendapat hujan selama tiga tahun setengah! Sekali lagi dia berdoa, dan langit menurunkan hujan, lalu bumi pun mengeluarkan hasil.

**Kita juga boleh menjadi Elia-Elia di negara kita.** Kita boleh membuat pendirian dan berdoa dengan sungguh-sungguh agar kebenaran, keadilan, kesembuhan dan kebebasan terjadi - Harapan Jubli - dan Allah akan mendengar seruan kita.

### **\*BERHENTI SEKEJAP!!\***

Jika kamu belum menjadi Kristian, tetapi ingin menjadi Kristian... sila berhenti di sini. Inilah salah satu keputusan yang paling penting dalam hidup kamu, dan saya mahu kamu benar-benar berfikir tentang perkara ini. Walaupun kamu telah membesar di dalam keluarga Kristian – ibu dan bapa kamu Kristian, dan kamu pergi ke gereja – ini tidak bermakna bahawa kamu Kristian sekiranya kamu belum menjemput Allah ke dalam hidup kamu.

*Pernahkah kamu memohon kepada Allah untuk masuk ke dalam hatimu? Pernahkah kamu meminta Dia untuk menjadi Allah atas SEMUA hidup kamu dan bukan atas sebahagian kecil saja?*

Jika kamu mahu menjemput Tuhan masuk ke dalam hatimu, saya ingin membawa kamu untuk mengucapkan doa ini bersama-sama saya. Sila ucapkan doa ini dengan suara kuat, mahukah?

**Ya Bapa di syurga,**

Saya berterima kasih kepada-Mu kerana membolehkan saya menjemput Engkau ke dalam hidup saya. Ya Tuhan, saya hendak menyerahkan hidup saya kepada-Mu. Saya mahu percaya kepada-Mu untuk menjaga saya, dan saya mahu mengikut-Mu sepanjang hidup saya.

Saya bersyukur kerana Engkau mengasihi saya, dan Engkau telah membuka jalan bagi saya untuk datang kepada-Mu, melalui anak-Mu, Yesus Kristus. Saya bersyukur kepada-Mu kerana Dia telah menghapuskan dosa saya ketika Dia mati di kayu salib.

Saya berdoa agar setiap hari, saya akan belajar untuk lebih mengasihi dan mentaati Engkau. Saya juga berdoa agar saya berada di hadirat-Mu, dan Engkau ada untuk memimpin dan membimbing saya.

Tolong bawa saya kepada seseorang yang dapat mengajar dan membimbing saya, agar saya dapat bertumbuh dengan lebih kuat dalam-Mu.

Dalam nama Yesus, saya berdoa. Amin!

## **TAHANIAH!!!!!!!**

Allah telah menerima kamu menjadi anak-Nya! Inilah hari untuk bergembira di Syurga, adakah kamu tahu hal itu?? Saya ingin mendorong kamu untuk memberitahu seorang Kristian lain yang kamu kenal dan percaya (ibu bapa kamu, guru Sekolah Minggu, seorang kawan) tentang keputusanmu itu. Mintalah mereka untuk berdoa bersama-sama kamu dan menolong kamu bertumbuh dalam Tuhan!

**Adakah kamu tahu hari berapa hari ini?**

**Inilah hari Malaysia.**


Hari ini juga tahun Jublinya bermula. Marilah bersatu hati dan berdoa untuk memberkatinya pada harinya yang istimewa.

Bapa di syurga,

Kami BERTERIMA KASIH kerana menyertai kami berdua selama 40 hari yang lepas. Kami ingin menyerahkan serta memohon Engkau memberkati Malaysia pada Hari Jadinya.

Kami berterima kasih kepada-Mu untuk Malaysia, kerana Engkau telah memberi kami negara ini. Tolong berikan dorongan kepada kami untuk TERUS berdoa dan berdoa. Semoga Malaysia mengalami Harapan Jubli!!!

**AMIN!!!**





**Disedia & dikumpul oleh NECF Malaysia**  
32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya  
47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel:03-77278227 Faks:03-77291139  
Emel:[prayer@necf.org.my](mailto:prayer@necf.org.my)  
[www.necf.org.my](http://www.necf.org.my)